

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(A)42**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB. NOR HAFIZAH BINTI OTHMAN**

42. Program Penjanaan Ekonomi.

- (a) Apakah langkah Kerajaan Negeri dalam menangani masalah kejatuhan ekonomi serta mempertahankan kestabilan ekonomi negeri dan penduduk Pulau Pinang? Senaraikan cadangan/perancangan jangka pendek dan jangka panjang untuk mendepani cabaran ekonomi semasa.
- (b) Senaraikan syarikat pelabur tempatan dan asing yang masih bertahan untuk meneruskan operasi di Pulau Pinang.

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

42. Pandemik COVID-19 telah memberikan impak yang besar dan mengganggu pertumbuhan ekonomi di peringkat global, negara dan negeri.

- (a) Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa langkah bagi mempertahankan kestabilan ekonomi negeri dan penduduk Pulau Pinang. Bagi perancangan jangka pendek, Kerajaan Negeri telah mengumumkan Pakej Bantuan Rakyat Pulau

Pinang pada 25 Mac 2020 dengan peruntukan berjumlah RM75 juta yang memberi fokus kepada tiga (3) objektif utama, iaitu

- (i) Memberikan bantuan segera kepada golongan yang paling terkesan (*most vulnerable group*), iaitu penjaja, peniaga kecil, pemandu teksi, penarik beca, pemandu *e-hailing*, Orang Kurang Upaya (OKU) dan kumpulan B40;
- (ii) Mengupayakan golongan pekerja untuk berdiri semula dan meneruskan usaha menjaga diri, keluarga serta membangunkan negeri melalui produktiviti; dan
- (iii) Membolehkan kelangsungan perniagaan atau *business continuity* di Negeri Pulau Pinang bagi memastikan ekonomi negeri akan terus dibangunkan pasca 31 Mac 2020.

Di bawah Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang tersebut, Kerajaan Negeri turut memperkenalkan Skim Pinjaman Kelangsungan Perniagaan Pulau Pinang iaitu Skim Peka Perusahaan Kecil Dan Sederhana (PKS) berjumlah RM30 juta bagi membantu PKS dan Industri Kecil Dan Sederhana (IKS) menerusi pinjaman tanpa faedah untuk tempoh 30 bulan dengan dua (2) kategori seperti berikut:

- (i) Kategori Skim Pinjaman IKS – dibuka kepada syarikat dalam sektor pembuatan sahaja dengan jumlah pinjaman sehingga RM50,000.00; dan
- (ii) Kategori Skim Pinjaman PKS – dibuka kepada semua syarikat/perniagaan dalam pelbagai sektor dengan jumlah pinjaman sehingga RM20,000.00.

Perancangan jangka masa panjang lebih memfokuskan kepada usaha dalam menarik lebih ramai pelabur dari pelbagai sektor industri untuk melabur ke Pulau Pinang. Kerajaan Negeri menerusi InvestPenang akan bekerjasama dengan syarikat multinasional (MNC) untuk mendapatkan semula keyakinan, terutama sekali syarikat yang terkesan kerana tidak dapat beroperasi sepenuhnya semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Usaha mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi atau hub pelaburan perlu digiatkan, termasuk mempromosikan industri perkhidmatan perniagaan global (GBS). Tarikan pelabur turut memfokuskan kepada mempromosikan produk tempatan dalam industri kecil dan sederhana (IKS/PKS) sebagai sokongan kepada syarikat-

syarikat MNC. Promosi pelancongan turut akan digiatkan untuk menggerak kembali sektor perkhidmatan pelancongan di Negeri Pulau Pinang.

- (b) Sehingga 5 April 2020, semakan InvestPenang mendapati semua syarikat pelabur tempatan dan asing masih bertahan meneruskan operasi di Pulau Pinang dan tiada syarikat yang bercadang menutup secara kekal (*permanent closure*) akibat kejatuhan ekonomi dari pandemik COVID-19.